

BAB TIGA

Pilihanraya - Kewibawaannya Dalam Menegakkan Negara Islam Di Malaysia

3.0. Pengenalan

Pilihanraya adalah satu sistem politik kenegaraan yang diamalkan di negara ini. Fakta sama ada sesuai ataupun tidak ia digunakan oleh mereka yang bercita-cita untuk menegakkan Negara Islam di Malaysia akan dibincangkan dalam huraian di bawah. Perbincangan ini akan menyentuh tentang kepentingan pilihanraya dan hujah-hujahnya sesuai dengan Perlembagaan Malaysia, beberapa fatwa dan kepercayaan masyarakat mengenai pilihanraya, kapasiti menggunakan pilihanraya dan ulasan serta cadangan untuk parti Islam.

3.1. Kewajiban Ummat Islam Di dalam Pilihanraya

3.1.1. Hukum Pilihan

Seseorang yang mengamati ajaran sosialis pastinya menghendaki sistem yang berlandaskan kepada sosialis. Sebagai seorang komunis pula pastinya ia menghendaki sistem yang berlandaskan kepada komunis. Jadi, seseorang yang menganut Islam sepatutnya menghendaki sistem yang berlandaskan kepada Islam. Tidak sepatutnya

ia masih memerlukan sistem-sistem lain yang di luar anutannya.

3.1.2. Pemimpin Pilihan

Dalam konteks bernegara, siapakah orang yang patut dipilih oleh umat Islam untuk menjadi pemimpin mereka? Persoalan ini telah dijawab dengan terang oleh Allah di dalam Kitab-Nya. Antara ayat-ayat yang berkenaan ialah;

"Wahai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul(Nya), dan uili dari di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (al-Quran) dan Rasul (sunnahnya) jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan Hari Kemudian." (1)

"Khabarkanlah kepada orang-orang yang munafik bahawa mereka mendapat siksaan yang pedih, iaitu orang-orang yang mengambil orang-orang kafir menjadi teman-teman penolong dengan meninggalkan orang-orang mukmin. Apakah mereka mencari kekuatan di sisi orang kafir itu? Maka sesungguhnya semua kekuatan kepunyaan Allah." (2)

"Dan sesiapa yang menentang Rasul sesudah jelas kebenaran baginya, dan mengikuti jalan yang bukan jalan orang mukmin, Kami biarkan mereka berkuasa terhadap kesesatan yang telah dikuasainya itu dan Kami masukkan ia kedalam neraka Jahannam, dan Jahannam itu seburuk-buruk tempat kembali." (3)

"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasrani menjadi wali(mu), sebahagian mereka adalah wali sebahagian yang lain. Siapa di antara kamu yang mengambil mereka menjadi wali, maka sesungguhnya orang itu termasuk golongan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang zalim." (4)

"Sesungguhnya penolong kamu hanyalah Allah, Rasul-Nya dan orang-orang mukmin, yang mendirikan shalat dan menunaikan zakat seraya mereka tunduk (kepada Allah)." (5)

"Dan sesiapa yang mengambil Allah, Rasul-Nya dan orang-orang yang beriman menjadi penolongnya, maka sesungguhnya pengikut (agama) Allah itulah yang pasti menang." (6)

"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu ambil teman kepercayaanmu orang-orang yang di luar kalanganmu (kerana) mereka tidak henti-henti (meniabulkan) kemudharatan bagimu." (7)

"Bagaimana boleh (ada perjanjian di sisi Allah dan Rasul-Nya dengan orang-orang musyrikin) padahal jika mereka memperoleh kemenangan terhadap kamu, mereka tidak memelihara hubungan kekerabatan terhadap kamu dan tidak (pula mengendahkan) perjanjian. Mereka menyenangkan hatimu dengan mulutnya, sedang hatinya menolak. Dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasik (tidak menepati perjanjian)." (8)

"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu jadikan bapa-bapa dan saudara-saudaramu menjadi wali(mu) jika mereka mengutamakan kekafiran atas keimanan dan siapa di antara kamu yang menjadikan mereka wali, maka mereka itulah orang-orang yang zalim." (9)

Kesimpulan dari ayat-ayat di atas menyatakan bahawa pemimpin umat Islam dalam konteks bernegara adalah dari kalangan umat Islam sendiri. Memilih orang-orang bukan Islam pada dasarnya adalah salah dan menyalahi arahan Tuhan dan Rasul Nya.

3.1.3. Tujuan Perlembagaan Malaysia

Kesimpulan yang dapat diambil dari Perlembagaan Malaysia mengenai Badan Perundangan Persekutuan adalah seperti berikut;

3.1.3.a. Membentuk badan eksekutif negara di Dewan Rakyat dan Dewan Undangan negeri yang berperanan untuk menggubal undang-undang untuk dilaksanakan terhadap umum sama ada di dalam bidang sivil mahupun jenayah. Ia berlaku sama ada dalam bentuk akta ataupun ordinan yang mencorak hukuman-hukuman di mahkamah.

3.1.3.b. Memilih ahli Dewan untuk membincangkan perkara-perkara di atas, untuk menyokong dasar-dasar kerajaan atau membangkang.

3.1.3.c. Memberi peluang kepada mana-mana golongan awam untuk terlibat mengeluarkan pendapat di dalam Dewan.

Justeru itu, penyertaan dan kemenangan golongan

Islam di dalam Pilihanraya adalah penting sebagai jalan untuk mendapatkan kekuasaan dan seterusnya memerintah negara secara Islam. (10)

Kejayaan seperti itu telah dibuktikan oleh Parti Ikhwan Muslimin di Jordan yang telah mendapat kemenangan majoriti (bersama kumpulan pembangkang yang lain) di dalam pilihanraya negara tersebut pada bulan November, 1989 yang lalu. (11)

Menyertai pilihanraya adalah salah satu cara untuk mencapai cita-cita Islam. Allah berfirman;

"Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan carilah jalan yang mendekatkan diri kepada-Nya." (12)

Uaedah Fiqh menyebut;

"Apabila kesempurnagan sesuatu yang wajib itu bergantung kepada sesuatu yang tidak wajib maka perkara yang tidak wajib itu akan menjadi wajib."

Di dalam konteks Malaysia, tiada jalan lain yang terbuka untuk menyatakan suara diperingkat eksekutif melainkan apabila berada di dalam Parlimen sebagai ahli. Untuk menjadi ahli Parlimen mestilah melalui dua cara sama ada melalui perantukan oleh Yang Di Pertuan Agung dengan nasihat Perdana Menteri ataupun melalui kemenangan di dalam pilihanraya. Menjadi ahli Parlimen

melalui cara yang pertama adalah amat sukar kecuali yang Di Pertuan Agung dan Perdana Menteri benar-benar menyetujui tokoh-tokoh yang bercita-cita Islam itu.

Di negara ini Perlembagaan telah meluluskan sesiapa sahaja menjadi calon pilihanraya asalkan menepati syarat-syarat yang berkaitan. Ia boleh dilakukan melalui parti politik yang didaftarkan dibawah Akta Pertubuhan 1964.(13) Oleh kerana itu sesiapa yang ingin menyatakan suara Islam di dalam Parlimen beliau hendaklah menjadi calon di dalam pilihanraya.

Perlembagaan Persekutuan menyatakan tentang peluang untuk menerajui negara hanya setelah mana-mana ahli Parlimen mendapat kepercayaan majoriti dari seluruh ahli Dewan. Untuk tujuan itulah perlunya bilangan mereka yang inginkan sistem Islam menepati jumlah tersebut (mungkin juga boleh bersama-sama dengan ahli golongan lain yang menyokong mereka). Walau bagaimanapun jika tidak mencukupi jumlah tersebut ahli-ahli Dewan itu boleh bertindak sebagai penyumbang pendekatan alternatif bagi mana-mana peraturan yang tidak sesuai dengan sistem Islam. Biasanya mereka bertindak sebagai kumpulan pembangkang. Kedudukan ini adalah penting demi menyahut seruan Allah dan Rasul-

Nya. Firaan Allah;

"Berulah manusia pada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik, dan bantahlah mereka dengan cara yang baik." (14)

Nabi s.a.w. bersabda, dari Abi Saïd Al-Khudri;

"Sesiapa di antara kamu yang melihat kemungkaran maka hendaklah ia menjubah dengan tangannya, sekiranya ia tidak berkuasa maka hendaklah dengan lidahnya, sekiranya ia tidak berkuasa juga maka hendaklah dengan hatinya, dan itulah selemah-lemah iman.

(Rivayat Muslim) (15)

Kita menyaksikan bahawa golongan-golongan lain yang tidak bercita-cita untuk menegakkan Islam terlalu bercungguh-sungguh untuk memasuki pilihanraya dan inginkan kemenangan. Tujuan mereka tidak lain kecuali inginkan kuasa memerintah negara atau paling tidakpun mengambil peluang menjadi pebandarang kepada rancangan-rancangan kerajaan yang memerintah.

3.2. Fatwa Dan Kekeliruan Masyarakat

Ramai umat Islam di Malaysia masih keliru dan merasa khuatir untuk turut serta di dalam pilihanraya atau menjadi pemilih di dalam sistem ini. Keadaan ini diakibatkan oleh meluasnya beberapa pandangan dari beberapa tokoh gerakan Islam di negara ini yang

menyatakan bahawa melibatkan diri dengan pilihanraya adalah tidak diluluskan oleh Syarak. Antara alasan yang diberikan ialah seperti; pilihanraya adalah satu sistem yang tidak pernah diamalkan di zaman Rasulullah. Ia adalah sistem yang dihidupkan oleh sistem kafir. (16)

Alasan yang kedua ialah; Negara Islam tidak akan berjaya ditegakkan melalui pilihanraya. Ia hanya boleh dilaksanakan melalui dakwah dan tarbiyah, bukan politik seperti yang ada pada hari ini. (17) Alasan yang ketiga pula ialah; terdapatnya wang pertaruhan di dalam proses penamaan calon. Proses itu dianggap sebagai perjudian. Islam memang telah mengharamkan perjudian. Justeru itu sistem ini adalah haram!

Persoalan-persoalan di atas akan dijawab oleh penulis seperti berikut;

Soalan pertama; memang benar bahawa sistem pilihanraya tidak pernah berlaku di zaman Rasulullah s.a.w. Tetapi bukan bermakna apa sahaja yang tidak pernah berlaku di zaman baqinda tidak boleh dilaksanakan hari ini. Perlu dijelaskan bahawa di dalam menyebarkan risalahnya, baqinda s.a.w. telah menjalankan berbagai metod. Antaranya ialah menggunakan institusi-institusi yang ada dalam situasi semasa seperti menggunakan bukit Sata dan pasar. (18) Kedua-dua

institusi tersebut memang terkenal di zaman jahiliyah sebagai dua pentas (platform) masyarakat yang digunakan oleh tokoh-tokoh masyarakat untuk menyampaikan sesuatu perkara secara pidato atau syair. Rasulullah telah turut serta menggunakannya untuk menyampaikan risalah Islam. Dalam erti kata lain, Rasulullah s.a.w. telah menggunakan peluang-peluang yang terbuka dan sedia ada untuk tujuan Islam. Dengan alasan ini penulis menolak pandangan di dalam persoalan pertama ini dan menambah bahawa menyertai pilihanraya adalah wajar untuk kepentingan Islam.

Menjawab soalan kedua; penulis bersetuju dengan sebahagian dari pandangan tersebut. Memang betul bahawa dakwah dan tarbiyah adalah satu jalan untuk menegakkan Islam. Cuma penulis ingin meluaskan konsep tarbiyah itu dengan menyatakan bahawa menyertai pilihanraya juga adalah satu tarbiyah - 'Tarbiyah Siyasah'. Menyatakan pandangan-pandangan di dalam Parlimen pula adalah dakwah. Dengan ini menyertai pilihanraya adalah penting untuk tujuan dakwah dan tarbiyah. Walau bagaimanapun penulis mengakui bahawa ia bukanlah satu-satunya cara untuk menegakkan Negara Islam.

Soalan ketiga; penulis menganggap wang cagaran yang dikemukakan semasa penamaan calon untuk menyertai

pilihanraya bukanlah satu perjudian. Wang itu adalah sekadar untuk memastikan bahawa tidak ada sesiapa yang boleh dengan sewenang-wenangnya menjadi calon. Mereka yang benar-benar ingin menjadi calon hendaklah memastikan bahawa mereka mempunyai penyokong, jika tidak wang cagaran itu tidak akan dikembalikan. Wang tersebut adalah sebagai satu syarat. Sesiapa yang tidak menepati syarat tetapi memberanikan diri untuk menjadi calon mesti akur dengan syarat berkenaan.

Setakat ini tidak ada fatwa yang dikeluarkan secara bertulis mengenai keperluan menyertai pilihanraya dari mana-mana Persatuan Ulama' di Malaysia. Justeru itu penulis akan mengutarakan fatwa yang telah dikeluarkan oleh Majlis Syura Pusat MASYUMI, Indonesia pada tahun 1953. Keputusan Syura berkenaan menyatakan bahawa seluruh umat Islam wajib membuang undi semasa pilihanraya diadakan. Mereka wajib memilih calon-calon yang bercita-cita untuk melaksanakan Islam dan wajib menggembeling tenaga dalam berusaha, membantu dan berkorban di dalam menentukan kemenangan Islam di dalam pilihanraya. Bahkan Syura itu menyebut bahawa kewajiban itu dalam bentuk fardhu 'ain. (19)

Berdasarkan keterangan-keterangan di atas penulis

menyimpulkan bahawa ummat Islam di Malaysia wajib menjadi pemilih dan menundi di dalam pilihanraya. Mereka juga wajib meletakkan calon-calon untuk menyertai pilihanraya demi mencapai cita-cita kemenangan Islam.

3.3. Kapasiti Pilihanraya Di Malaysia Dalam Menegakkan Negara Islam

Negara Malaysia mempunyai penduduk yang berbilang bangsa dan kaum. Kumpulan bangsa-bangsa yang terbesar ialah Melayu, Cina dan India. Sebagai warganegara yang sah mereka berhak untuk membuat pilihan di dalam pilihanraya-pilihanraya umum yang diadakan di negara ini, dikawasan mana dan bila-bila masa sahaja, selagi undang-undang tidak menafikan hak mereka.

3.3.1. Kadar Pertumbuhan Bangsa-bangsa Di Malaysia

Daripada perangkaan mereka yang berumur dua puluh tahun keatas (umur yang paling hampir untuk menjadi pemilih - tiada perangkaan yang membentangkan jumlah mereka yang berumur dua puluh satu tahun tepat) pertumbuhan bangsa Melayu adalah lebih tinggi

berbanding dengan kaum kaum lain. Angka tunjuk bagi negeri-negeri Timur dan Utara Semenanjung menampakkan majoriti yang lebih tinggi berbanding dengan negeri-negeri kawasan Tengah dan Selatan. Carta I membuktikan kenyataan di atas. Empat buah negeri yang dinyatakan adalah untuk mewakili empat kawasan di Semenanjung Malaysia. Carta II pula menyatakan tentang jumlah keseluruhan rakyat Malaysia dan dibahagikan mengikut kumpulan etnik. Manakala carta III pula menyatakan tentang jumlah mereka yang berumur dua puluh tahun keatas mengikut kumpulan etnik. Ketiga-tiga carta tersebut adalah untuk tahun anggaran 1980.

Bagi anggaran tahun 1980 hingga 1988 pula, anggaran komposisi penduduk di seluruh Semenanjung Malaysia ialah 14.0 juta orang. 8.0 juta adalah orang Melayu, 4.4 juta orang Cina dan 1.4 juta orang India. Bakinya adalah bangsa-bangsa lain. Lebih jelas lagi ditunjukkan dalam carta IV.

Jumlah unjuran keseluruhan rakyat Malaysia bagi tahun 1990 dinyatakan di dalam carta V. Begitu juga dengan jumlah mereka yang berumur dua puluh tahun keatas. Bagi unjuran tahun 2000 pula dinyatakan di dalam carta VI.

Taburan dan pertumbuhan penduduk sebenar dan

berbanding dengan kaum kaum lain. Angka tunjuk bagi negeri-negeri Timur dan Utara Semenanjung menampakkan majoriti yang lebih tinggi berbanding dengan negeri-negeri kawasan Tengah dan Selatan. Carta I membuktikan kenyataan di atas. Empat buah negeri yang dinyatakan adalah untuk mewakili empat kawasan di Semenanjung Malaysia. Carta II pula menyatakan tentang jumlah keseluruhan rakyat Malaysia dan dibahagikan mengikut kumpulan etnik. Manakala carta III pula menyatakan tentang jumlah mereka yang berumur dua puluh tahun keatas mengikut kumpulan etnik. Ketiga-tiga carta tersebut adalah untuk tahun anggaran 1980.

Bagi anggaran tahun 1980 hingga 1988 pula, anggaran komposisi penduduk di seluruh Semenanjung Malaysia ialah 14.0 juta orang. 8.0 juta adalah orang Melayu, 4.4 juta orang Cina dan 1.4 juta orang India. Bakinya adalah bangsa-bangsa lain. Lebih jelas lagi ditunjukkan dalam carta IV.

Jumlah unjuran keseluruhan rakyat Malaysia bagi tahun 1990 dinyatakan di dalam carta V. Begitu juga dengan jumlah mereka yang berumur dua puluh tahun keatas. Bagi unjuran tahun 2000 pula dinyatakan di dalam carta VI.

Taburan dan pertumbuhan penduduk sebenar dan

unjuran mengikut kumpulan etnik di Semenanjung Malaysia tahun 1980 hingga 2000 dibentangkan di dalam carta VIII.

Daripada carta carta di atas dapatlah disimpulkan bahawa kadar pertumbuhan bangsa Melayu lebih tinggi dari bangsa-bangsa lain. Malah Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan bahawa mengikut statistik kelahiran hidup, jumlah bayi Melayu yang dilahirkan di Semenanjung Malaysia melebihi tiga kali ganda dari bayi keturunan Cina dan tujuh kali ganda dari bayi keturunan India sehingga tahun 1987. Jumlah bangsa Melayu ialah 8.05 juta, Cina 4.35 juta dan India 1.38 juta. (20)

3.3.2. Kadar Mortaliti

Arah aliran dan perbezaan dalam kadar kasar mortaliti (kematian) adalah dipengaruhi oleh perubahan-perubahan dan perbezaan perbezaan dalam struktur umur dan jantina di mana kadar kadar berkenaan diasaskan. Bagi keturunan Melayu kadar mortaliti jatuh dengan cepatnya kepada satu titik minimum dalam lingkungan umur 5 hingga 9 tahun. Kemudian ia naik perlahan-lahan sehingga ke pertengahan hayat bila ia

melebihi paras tahun pertama hayat iaitu dalam lingkungan umur 50 tahun, dan selepas itu naik dengan cepat apabila umur meningkat tua. Secara umumnya mortaliti kaum perempuan lebih rendah berbanding dengan kaum lelaki.

Mortaliti keturunan Cina memperlihatkan bentuk yang sama dengan keturunan Melayu. Kadar mortaliti keturunan India pula menampakkan sedikit perbezaan. Kadar mortaliti bagi yang berumur bawah 10 tahun adalah lebih cepat. Ia semakin berkurangan pada umur pertengahan pertama sehingga peringkat umur 70-an, dan selepas itu kadar mortalitinya bertambah sama seperti keturunan Melayu dan Cina. (21) Kenyataan ini boleh dirujuk dalam carta ix.

3.3.3. Paras Jangkaan Hidup Yang Diandaikan

Kesan dari andalan kemajuan dalam mortaliti, anggaran unjuran jangkaan hidup semasa lahir bagi kumpulan etnik yang berlainan di Semenanjung Malaysia ditunjukkan di dalam carta VIII.

Angka-angka menunjukkan bahawa jangkaan hidup semasa lahir akan meningkat bagi setiap kumpulan etnik sehingga menjelang tahun 2000. Terdapat hanya sedikit

lebih perbezaan di antara keturunan Cina dan Melayu bagi kedua-dua jantina. Perbezaan di antara kedua-dua keturunan ini dengan keturunan India akan semakin mengecil menjelang tahun 2000.

Daripada kutipan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa jumlah orang-orang Melayu jauh lebih tinggi berbanding dengan bangsa-bangsa lain di negara ini.

3.4. Jumlah Pemilih Mutakhir

Angka tidak rasmi dari Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia menyatakan bahawa jumlah mereka yang mendaftar menjadi pemilih sehingga tamat tempoh Kenpen Gerakan Pendaftaran Pemilih (Jun hingga Oktober 1989) ialah 690,000 pengundi baru.⁽²²⁾ Ini bermakna jumlah keseluruhan pemilih di Malaysia (Semenanjung Malaysia sahaja) setelah dicampur dengan jumlah pemilih bagi tahun pilihanraya 1986 ialah seramai 5,831,571 orang. Jumlah ini telah mengeluarkan sebilangan mereka yang layak menjadi pemilih tetapi tidak mendaftar oleh sebab-sebab tertentu yang tidak perlu dinyatakan di sini.

3.5. Parti Islam Se Malaysia (PAS) Dan Peluangnya Di Dalam Pilihanraya

Parti Islam Se Malaysia (PAS) adalah satu-satunya parti politik di negara ini yang menyatakan dengan terang cita-citanya untuk menegakkan Negara Islam di Malaysia. (23) Sebagai sebuah parti politik yang terlibat secara langsung di dalam pilihanraya ia boleh diandaikan dengan dua andaiian utama iaitu menang atau kalah. Keputusan itu bergantung kepada banyak faktor, terutamanya faktor kependudukan dan cara ia berpolitik. Penulis akan hanya membincangkan faktor kependudukan sahaja dengan mengandaikan faktor-faktor lain adalah tetap.

Kami penulis menyatakan pandangan mereka mengenai peluang PAS di dalam pilihanraya. Dewan Masyarakat bulan Oktober 1989 telah menulis secara panjang lebar mengenai analisa pilihanraya akan datang. Antara lain majalah berkenaan menyatakan tentang orang-orang Melayu merupakan faktor penentu bagi kemenangan di beberapa kawasan yang dijangka sengit. (24) Orang-orang Melayu keseluruhannya mungkin akan mengalami kerugian kerana perlawanan yang paling jelas ialah perlawanan sesama orang Melayu iaitu antara Parti UMNO dan PAS. (25) Tidak ada mana-mana parti yang boleh mendakwa mana-mana

kawasan sebagai 'selamat' kerana tidak ada kesetiaan total kepada mana mana parti. Hanya pendundi sendiri yang menentukan kemenangan mana mana parti.

Parti Islam Se Malaysia (PAS) merupakan sebuah parti pembangkang yang bercita-cita menegakkan Negara Islam di negara ini yang mempunyai pendaruf yang besar terhadap perkembangan politik tanah air. Apakah parti itu mampu untuk mengambil alih kuasa dari Barisan Nasional? Bagi seorang penderuf melalui HKA, saudara Mokhtar Petah, PAS tidak akan mencapai kejayaan menegakkan Negara Islam selagi mana UMNO menjadi parti induk Barisan Nasional dan Perikatan Persekutuan yang ada sekarang ini masih terdahan. (26) Ini dibuktikan oleh pilihanraya pilihanraya yang lalu yang menyatakan kekalahan parti itu di setiap pilihanraya. (27) PAS hanya berjaya menarik beberapa orang tokoh akademik dan sebahagian dari orang-orang Melayu ke dalam organisasinya, mengaut pendengar-pendengar ceramah yang begitu ramai dan berjaya memasukkan 'ketahanan Islam' ke Parlimen. Juga terdapat syor-syor parti itu yang telah diambil oleh kerajaan untuk dilaksanakan seperti penubuhan Bank Islam, Insyuran Islam dan sebagainya. (28)

Orang-orang Islam sebenarnya tahan akan tujuan PAS

tetapi mereka tidak nampak bagaimana corak Negara Islam yang dicita-citakan itu. Keseluruhan mereka masih kabur dalam menanggapi corak negara yang diimpikan itu. Ada yang menggambarkan seperti Arab Saudi dan ada juga yang menggambarkan seperti Republik Islam Iran. (29) Bukan itu sahaja, kegagalan PAS mengambil alih tampuk pemerintahan negara ini mungkin juga disebabkan oleh Perlembagaan Negara dan barisan ketajuan yang didokong oleh berbilang bangsa dan agama. (30)

3.6. Ulasan Pilihanraya

3.6.1. Pilihanraya Umum 1986

Pilihanraya Umum 1986 merupakan pilihanraya yang paling sengit dan hebat semenjak sistem ini dijalankan di Malaysia. Daripada taktik-taktik dan isu yang dimainkan oleh parti-parti yang bertanding menampakkan kehebatan percaturan mereka. Walau bagaimanapun yang jelas keputusan pilihanraya itu tidak berlaku seperti yang dijangkakan. Barisan Nasional (BN) telah mendapat kemenangan besar walaupun parti itu pada jamkkaan ramai akan mengalami kekurangan kemenangan majoriti. Parti itu telah mendapat sebanyak 148 kerusi daripada 171 kerusi Parlimen. (31)

Kekalahan PAS merupakan satu kemalangan yang sedikitacitakan. Jangkaan mereka untuk menguasai Negeri Kelantan bukan sahaja meleset, malah mereka hanya mendapat satu kerusi Parlimen apabila berbanding dengan 98 orang calon yang menyertai pilihanraya tahun tersebut. (32)

Apa yang jelas ialah kemenangan BN itu banyak bergantung kepada UMNO, (33) bagi kawasan-kawasan yang pengundi-pengundinya orang Cina pada kebanyakannya dimenangi oleh parti Democratic Action Party (DAP). Ini bermakna kemenangan DAP banyak bergantung kepada pengundi-pengundi bukan Melayu seperti di kawasan Tanjong, Bukit Bendera, Jelutong dan Bayan Baru. (34) Natiujahnya ialah pihak Melayu memegang kuasa sedangkan bukan Melayu menjaga pembangkang. Persuasaan seperti ini amat membimbangkan bagi kestabilan politik Malaysia.

Sebenarnya PAS sedang menduduki tempat kedua selepas BN dalam jumlah pengundian kawasan Parlimen. Pada masa yang sama parti itu telah menduduki tempat yang pertama di kawasan Dewan Undangan Negeri. (35) Di kawasan Parlimen, BN telah meraih sejumlah 6,791,446 pengundi. PAS pula meraih sejumlah 3,960,753 pengundi dan DAP mendapat 3,175,449 pengundi. Di kawasan Dewan

Undangan Negeri pula PAS telah meraih sebanyak 5,774,781, BN 5,313,108 dan DAP 1,260,551.

Walaupun demikian, PAS telah mengalami kekalahan yang teruk. Kekalahan itu mungkin antara lain disebabkan oleh taburan pengundi-pengundi yang tidak menentu dan beriakunya perikatan dengan parti-parti lain. Secara keseluruhannya undi orang-orang Melayu tertumpu kepada PAS. Ini kerana hampir keseluruhan pengundi-pengundi parti itu adalah orang-orang Melayu sedangkan BN mendapat undi dari pengundi-pengundi yang bercampur dengan lain-lain bangsa.

3.6.2. Pilihanraya Kecil Sungai Besar

Pilihanraya ini adalah satu pilihanraya yang paling terakhir diadakan di Semenanjung Malaysia. Ia dijalankan pada 1 hb. November 1989. Keputusannya; Barisan Nasional telah mengalami kekalahan majoriti walaupun berjaya mengalahkan pencabarannya, PAS. Lebihan undi parti itu adalah sebanyak ^{2,078} 4,188 berbanding dengan sejumlah ^{3,822} 2,690 majoriti pada pilihanraya umum 1986. (36) Perubahan ini mungkin disebabkan beberapa faktor seperti pertambahan ahli PAS, kompromi parti itu dengan parti Semangat 45 dan tambahan dari undi yang diberikan oleh kaum bukan Melayu.

3.7. Ulasan Dan Cadangan

Sesiapa sahaja yang berpendirian Islam pada hari ini boleh menyertai pilihanraya, dengan syarat wujudnya pembentukan sebuah parti politik. Pada dasarnya Perlembagaan Persekutuan tidak menghalang penyertaan itu.

Sebenarnya peluang untuk mereka memenangi beberapa buah kerusi di dalam pilihanraya memang ada. Ini berdasarkan fakta-fakta berikut:

3.7.1. Berdasarkan model penyertaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) sebagai satu satunya parti di negara ini yang menyatakan dengan jelas cita-citanya untuk menegakkan Negara Islam. Parti itu telah mendapat penumpuan undi khususnya dari orang-orang Melayu. Dua keputusan pilihanraya membuktikan kenyataan ini. Pertama, keputusan Pilihanraya Umum 1986 menyatakan bahawa PAS telah mendapat sokongan undi di tempat kedua bagi analisa bahagian Parlimen, dan mendapat tempat pertama bagi kawasan Dewan Undangan Negeri. Kedua, kejayaan parti itu menquirangkan majoriti undi di dalam Pilihanraya Kecil Sungai Besar yang mungkin antaranya disebabkan oleh kompromi parti itu dengan Parti Semangat 46 yang keseluruhannya adalah orang-orang Melayu.

Harus diingat bahwa kemenangan besar Barisan Nasional adalah disebabkan oleh sekondan undi yang diberikan oleh orang-orang bukan Melayu.

3.7.2. Data-data telah menyatakan bahwa kadar kependudukan orang-orang Melayu lebih tinggi berbanding dengan bukan Melayu. Ini memberikan peluang kepada parti Islam untuk meraih undi mereka dengan lebih banyak lagi, menatasi parti-parti lawan.

Adalah dicadangkan agar mana-mana parti Islam yang bertanding di dalam pilihanraya membuat suatu perancangan yang rapi dan tersusun untuk mendapatkan kemenangan. Umpamanya menentukan sasaran dan tempoh tertentu secara berperingkat-peringkat dengan memulakan penonjolan identiti tokoh-tokoh, memulakan tapak kuasa dalam masyarakat, menjadi satu pasukan pembangkang yang kuat, menguasai negeri-negeri tertentu dan seterusnya menguasai dan memerintah Malaysia seluruhnya.

Adalah dicadangkan supaya parti Islam lebih banyak menumpukan kepada usaha-usaha yang positif ke arah memenangi hati pengundi-pengundi yang memihak kepada parti lawan, khususnya orang-orang Melayu. Ia perlu

bersikap lebih terbuka dan bertolak belakang dengan parti-parti lawan, malah lebih dari itu ia hendaklah menjadi tenaga penggerak ke arah membentuk satu barisan "Islamic Front" untuk mendukung keislamannya.

Parti itu tidak boleh hanya berlabang-laba dengan melihat jumlah pendengar ceramah dan kempen-kempennya yang beribu-ribu, sebaliknya perlu lebih bijak berpolitik dan menyusun strategi yang benar-benar kemas supaya malang kekalahan PAS di dalam pilihanraya tahun 1986 tidak berulang lagi.

Sikap suka menghinai sesama kumpulan gerakan Islam mesti dihentikan dan perlu diganti dengan memujuk ahli-ahli gerakan tersebut untuk keluar mendundi di dalam pilihanraya-pilihanraya. Kempen-kempen untuk menerangkan bahawa penyertaan parti Islam di dalam pilihanraya yang merupakan asas bagi sistem demokrasi di negara ini sebagai tidak menyalahi hukum Syarak perlu diperhebatkan.

Parti Islam perlu menyediakan jentera pentadbiran pilihanrayanya yang sistematik dan berdisiplin agar gerak-geraknya berjaran dengan lancar. Pada masa yang sama parti itu perlu menyediakan tenaga-tenaga mahir di dalam segenap bidang agar kewujudan dan kemenangannya (insyaAllah) akan terisi dengan segera

dan mantap.

Masyarakat umum bukan tidak tahu cita-cita PAS. Apa yang kurang meyakinkan mereka ialah tiadanya model Negara Islam yang praktikal yang dikemukakan oleh parti itu. Oleh itu parti Islam perlu menyediakan beberapa pendekatan yang Islam di dalam sistem-sistem utama kehidupan bermasyarakat seperti sistem ekonomi dan pentadbiran, sebagai alternatif yang praktikal kepada sistem-sistem yang berjalani hari ini.

Kekalahannya di dalam pilihanraya-pilihanraya yang merupakan satu 'tradisi' PAS perlu dikaji semula. Segala kelemahan dan insiden-insiden yang mempengaruhi natijah itu perlu dititikberatkan dalam kajian semula itu.

Parti Islam perlu menguatkan usaha-usaha qersasi di dalam projek-projek ekonominya supaya mendapat pulangan kewangan yang kukuh kepada parti itu. Usaha ini dirasakan penting demi menghapuskan 'pergantungan' yang kuat terhadap 'derma derma jihad' yang dilancarkan dengan tiada penghujungnya. Harus diingat bahawa masalah ekonomi merupakan salah satu faktor utama yang menyebabkan kelemahan dan kekalahan mana-mana gerakan Islam di dunia hari ini.

Akhir sekali parti Islam perlu banyak bersabar di

dalam usaha menuju cita-citanya dan menyadari bahwa pertolongan Allah amat hampir, sesuai dengan apa yang Allah jelaskan di dalam Kitab-Nya;

"Dan kurnia yang lain yang kamu sukai ialah pertolongan dari Allah dan kemenangan yang dekat (waktunya). Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang beriman." (37)

NOTA KAKI BAB TIGA

1. Surah An-Nisa' 4 : 59.
2. Surah An-Nisa' 4 : 138, 139.
3. Surah An-Nisa' 4 : 115.
4. Surah Al-Maidah 5 : 51.
5. Surah Al-Maidah 5 : 55.
6. Surah Al-Maidah 5 : 56.
7. Surah Ali Imran 3 : 116.
8. Surah At-Taubah 9 : 8.
9. Surah At-Taubah 9 : 23.
10. H.H.M. Isa Ansory, Kewajipan Umat Islam Dalam Pilihanraya. Shah Alam : Dewan Pustaka Fajar. 1986. Hal. 69.
11. Herita Harian. 10 NO. Nov. 1984.
12. Surah Al-Maidah 5 : 55.
13. Tun Muhamed Suffian Bin Hashim, Mengenal Perlembagaan Malaysia. Terj. Abdul Majid Bin Abdul Latif dan Ridzuan Bin Omar. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka. 1987. Hal. 262.
14. Surah An-Nahi 16 : 125.
15. Muslim, Shahih. Juzuk 1. Hal. 59.
16. ERA, No.3, 1987. Hal. 27.
17. Ibid.
18. Muhammad Said Ramadhan Al-Buthi, Fiqh As-Sirah. Terj. Ust. Mohd. Darus Sanawi. Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Fajar. 1988. Hal. 40.

19. H.H.M. Isa Ansori (1986), op.cit.
20. Berita Harian, 22 hb. Jun 1989.
21. Unjuran Penduduk Malaysia 1980 - 2000. Kuala Lumpur : Jabatan Perangkaan Malaysia. 1987. Hal. 9, 10.
22. Utusan Malaysia, 8 hb. sept. 1989.
23. A.K. Hidayat, PAS 1981 - 1991, Terlepas - Mendebat. Kuala Lumpur : GG Edar. 1986. Hal. 14.
24. Devan Masyarakat, Oktober 1989. Kuala Lumpur : Devan Bahasa Dan Pustaka. Hal. 7.
25. Ibid. hal. 9.
26. ERA, No. 31, 1985. Hal. 16.
27. Ibid. hal. 17.
28. Ibid.
29. Ibid.
30. Ibid.
31. Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia, Laporan Pilihanraya Umum 1986. Kuala Lumpur : Jabatan Percetakan Negara. 1986. Hal. 16.
32. Ibid. hal. 13.
33. Prof. Madya Dr. Hussain Muhamed, Membangun Demokrasi Pilihanraya Di Malaysia. Kuala Lumpur : Karya Bistari. 1987. Hal. 217.
34. Ibid. Hal. 219.
35. Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (1988), op.cit., hal. 18.
36. Utusan Malaysia. 3 hb. Nov. 1989. Hal. 7.
37. Surah Ash-Shaaf 61 : 13.